

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku "Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain" bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

## **PENGUNAAN BUKU 'BAGAIMANA MEMENANGI HATI KAWAN & MEMPENGARUHI ORANG LAIN' BAGI MEMUPUK KERJASAMA KUMPULAN DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP**

**Mohd Richard Neles Abdullah**

mrichardn33@yahoo.com.my

### **Abstrak**

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu tiga orang pelajar yang *introvert* meningkatkan kemampuan berkomunikasi dengan rakan sekumpulan dan bekerjasama dengan baik dalam aktiviti berkumpulan. Ini secara tidak langsung menggalakkan mereka meningkatkan esteem diri. Di samping itu, kajian ini bertujuan menambah baik amalan pengajaran saya dalam kursus Pengenalan Kepada Konsep Asas Pendidikan Moral (ELM3101E). Peserta kajian terdiri daripada tiga orang pelajar PISMP Semester 3. Saya mengumpul data kajian dengan menggunakan senarai semak semasa melakukan pemerhatian, soalan jenis terbuka, temu bual dan gambar. Data yang dikumpul dianalisis kandungan dan pola. Penyemakan data dilakukan melalui triangulasi antara kaedah dan triangulasi sumber. Hasil analisis data mendapatka kaedah ceramah pendek dan pembelajaran kendiri pelajar menggunakan buku 'Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain' (BMHKMOL) (Carnegie, 2010, halaman terpilih) dapat meningkatkan tingkah laku bekerjasama dan kemahiran komunikasi *interpersonal* tiga orang pelajar yang *introvert* dalam aktiviti kumpulan di samping menambah baik amalan pengajaran saya.

Kata kunci: Kaedah ceramah pendek, pembelajaran kendiri, *introvert*, buku BMHKMOL, bekerjasama, pelajar PISMP

### **Abstract**

This action research was carried out to help three introvert students improve their abilities in communicating with their friends and work well together during group activities. This would indirectly increase the students' self-esteem. In addition, this study aimed to improve my teaching practices during the teaching and learning session related to Introduction to Basic Concepts of Moral Education course (ELM3101E). The research participants consisted of three Semester 3 PISMP students. Data were collected through check list used during observations, open-ended questions, interviews, and photographs. The data collected were analysed using content and pattern analysis. The checking of data involved triangulation between methods and persons. This study showed that short lectures and independent learning using 'Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain' (BMHKMOL) book (Carnegie, 2010, selected pages) improved the three introvert students' behaviour related to cooperation and interpersonal communication skills during group activities as well as improved my own teaching practices for the course concerned.

**Keywords:** Short lectures, independent learning, introvert, BMHKMOL's book, cooperation, PISMP students

## Pengenalan

### Konteks

Penyelidikan tindakan (PT) ini dilaksanakan pada semester pertama tahun 2014 iaitu semasa kali ketiga saya memasuki kelas gabungan B3 dan B4 (nama samaran). Saya mengajar kursus elektif bagi ELM3101E iaitu Pengenalan Kepada Asas Pendidikan Moral di IPG Kampus Batu Lintang. Saya mengajar dua buah kelas PISMP Semester 3 bagi kursus ini. Pelajar kelas ini terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Ketika saya melaksanakan pembelajaran dan pengajaran (P&P) ELM3101E bagi kelas ini, saya mendapati tiga orang pelajar kelas ini lemah dari segi komunikasi *interpersonal*. Dengan kata lain, tiga individu ini (Asatu, Adua dan Atiga – nama samaran) suka menyendiri (pendiam) dan tidak suka serta tidak selesa ketika melibatkan diri dalam aktiviti kerjasama dalam kumpulan dan pembentangan kumpulan.

### Refleksi Pengalaman Pembelajaran dan Pengajaran

Saya merupakan seorang pensyarah akademik di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan dan mengajar kelas gabungan kumpulan B3 dan B4 bagi kursus Elektif ELM3101E. Masalah utama pelajar saya yang dikenal pasti ialah mereka lemah bekerjasama dan berkomunikasi interpersonal semasa melaksanakan kerja kumpulan. Ini berlaku walaupun saya telah membuat persediaan yang rapi untuk mengajar bab demi bab yang keseluruhannya terdiri daripada lapan bab berpandukan Pro forma yang disediakan oleh IPGM.

Masalah pelajar berkenaan diperoleh daripada pemerhatian serta jawapan kepada soalan jenis terbuka yang dikemukakan bagi menyiasat sikap bekerjasama tiga orang pelajar tersebut pada sesi kedua perbincangan kumpulan. Pemerhatian telah dilakukan ketika mereka melaksanakan tugas kumpulan (perbincangan kumpulan serta pembentangan kumpulan) pada sesi pertama (7 Januari 2014). Manakala soalan jenis terbuka diberi kepada setiap pelajar bagi menyatakan secara ringkas pandangan mereka mengenai tingkah laku bekerjasama ahli kumpulan pada sesi kedua perbincangan kumpulan (10 Januari 2014).

Analisis jawapan kepada soalan jenis terbuka menunjukkan tingkah laku tidak bekerjasama semasa perbincangan kumpulan bagi tiga orang pelajar berkenaan. Saya merasa amat kecewa dengan sikap tiga orang pelajar dari gabungan kelas B3 dan B4 kerana mereka ada menyertai aktiviti perbincangan dan pembentangan secara aktif. Namun, saya mendapati tiga orang pelajar berkenaan memencilkkan diri dan tidak selesa berkomunikasi atau berkumpul dengan ahli kumpulannya. Ini adalah berdasarkan pemerhatian dan analisis jawapan soalan terbuka rakan sekumpulan mereka.

Analisis sikap tidak bekerjasama tiga orang pelajar tersebut dalam aktiviti kumpulan masing-masing adalah berdasarkan soalan “Bagi penama ( ), adakah dia memberikan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan?. Jika tidak, beri komen anda.” Respons jawapan terbuka rakan sekumpulan Asatu bernama John (nama samaran) ialah *“Asatu seorang yang susah dibawa berbincang dan mementingkan diri sendiri. Saya paling tidak suka pada dia kerana*

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

*mementingkan diri sendiri dan tidak suka berbincang dengan kami.*” Respons jawapan rakan sekumpulan Adua bernama Jane (nama samaran) pula ialah, “*Saya paling tidak suka Adua kerana tidak pernah menyumbang idea semasa perbincangan kumpulan. Macam kera sumbang. Nak dengar dia bercakap sangat susah.*” Manakala respons daripada rakan sekumpulan Atiga iaitu Noraini (nama samaran) ialah “*Dia sibuk buat kerja sendiri semasa kami berbincang. Mementingkan diri sendiri. Tak pernah bagi cadangan atau idea. Menyampah.*” Data daripada soalan jenis terbuka rakan sekumpulan tentang tiga orang pelajar memang selari dengan pemerhatian saya.

### Fokus Kajian

Daripada refleksi berkenaan, saya telah mengesahkan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa P&P tersebut. Saya juga mengesahkan kelemahan saya sendiri dalam P&P tersebut. Teknik yang saya gunakan semasa pengajaran melalui strategi aktiviti kumpulan tidak sesuai menyebabkan pelajar yang *introvert* tidak dapat bekerjasama dan berkomunikasi secara aktif ketika aktiviti dijalankan. Kesan negatif ini menyebabkan perbincangan dalam kumpulan menjadi hambar.

Masalah ini berlaku dalam kalangan tiga orang pelajar *introvert* yang dikaji kerana pelajar tersebut tidak didedahkan dengan kemahiran asas berkomunikasi dan ilmu hubungan manusia. Kedapatan pelajar yang tidak didedah dengan kemahiran bersosial kerana lahir daripada latar belakang keluarga yang kurang berpelajaran, bermasalah atau tidak bergaul dengan masyarakat setempat. Selain itu, saya kurang empati terhadap kehendak semua pelajar yang seharusnya diberi penghargaan, rasa diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap kumpulan pengajian mereka. Saya juga kurang menyediakan sesi P&P yang menyeronokkan pelajar.

Bagi mengatasi masalah ini, saya telah cuba mendedahkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran asas komunikasi *interpersonal* dan hubungan manusia. Para pelajar perlu memahami kepentingan kemahiran asas hubungan sesama manusia. Seterusnya, kelemahan saya dalam berempati dengan pelajar yang *introvert* dan kurang memberi penghargaan perlu diatasi dengan kaedah yang sesuai agar mereka dapat merasa dihargai, diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap kumpulan perbincangan dan kumpulan pengajian mereka. Justeru, saya menggunakan kaedah ceramah pendek menggunakan buku ‘*Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain*’ (BMHKMOL) (Carnegie, 2010) (halaman terpilih) dan pembacaan kendiri buku tersebut oleh pelajar dalam membantu pelajar saya. Adalah diharapkan kajian ini akan mencapai matlamat bagi meningkatkan tahap kerjasama dalam aktiviti kumpulan dan komunikasi *interpersonal* serta kemahiran hubungan manusia dalam kalangan pelajar khususnya tiga orang pelajar daripada gabungan kumpulan B3 dan B4 yang mengambil kursus elektif ELM3101E.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- membantu tiga orang pelajar PISMP yang *introvert* dari segi meningkatkan kemampuan berkomunikasi dengan rakan sekumpulan, bekerjasama

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

- dengan baik dalam aktiviti kumpulan dan secara tidak langsung meningkatkan estim diri pelajar; dan
- menambah baik amalan pengajaran kendiri dalam mengajar kursus Pengenalan Kepada Konsep Asas Pendidikan Moral.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah kaedah ceramah pendek menggunakan buku ‘BMHKMOL’ (Carnegie, 2010) (halaman terpilih) dan pembacaan kendiri buku tersebut dapat meningkatkan sikap bekerjasama dan komunikasi *interpersonal* tiga orang pelajar semasa aktiviti kumpulan?
- Bagaimanakah penggunaan kaedah ceramah pendek menggunakan buku ‘BMHKMOL’ dan pembacaan kendiri buku tersebut oleh pelajar menambah baik pengajaran saya dalam kursus Pengenalan Kepada Konsep Asas Pendidikan Moral?

### **Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan**

Saya menggunakan kaedah ceramah pendek menggunakan buku ‘BMHKMOL’ (Carnegie, 2010) (halaman terpilih) dan pembacaan kendiri buku tersebut oleh pelajar untuk kajian ini. Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat dan Abd. Razak Zakaria (2013) menjelaskan bahawa pengajaran adalah satu proses yang kompleks yang dipenuhi dan dipengaruhi oleh pelbagai unsur, termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat, minat, pengaruh motivasi, persekitaran tempat belajar dan dorongan ibu bapa terhadap pelajar. Oleh itu, bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar, pelbagai strategi dan kaedah boleh diguna pakai. Antaranya adalah melalui penggunaan ceramah pendek menggunakan buku (halaman terpilih) dan pembacaan kendiri sesebuah buku (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001; Noor Azean Atan dan T. Komate Tambai @ Muniandy, 2008). Carnegie menyatakan bahawa ceramah pendek menggunakan buku berkaitan sesuatu bidang ilmu dan pembacaan sendiri sesuatu buku, dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu bidang kemahiran atau kandungan pembelajaran.

Berhubung dengan aspek sikap *introvert* dan *extrovert*, kajian Fotion (2000) mendapati ada pelajar yang mempunyai sikap merasakan dirinya adalah orang yang paling hebat dan paling benar (solipsisme). Solipsisme atau merasa paling benar seharusnya dielakkan. Pandangan ini boleh menghapuskan kemungkinan komunikasi. Cuba bayangkan, jika anda telah merasa paling benar, mengapa perlunya berkomunikasi untuk bertukar idea dengan orang lain? Individu seperti ini sekiranya berkomunikasi pun, hanya akan ingin mengkritik, mengeluh atau mencerca. Orang lain akan dianggap salah jika tidak sependapat dengannya. Oleh itu, solipsisme merupakan tingkah laku yang tidak sepatutnya diikuti jika ingin disenangi oleh orang lain. Lawan kepada solipsisme ialah fabilisme yang berupa pemahaman bahawa semua orang adalah lebih baik daripada diri sendiri. Fabilisme membuka ruang untuk perubahan dan dialog kerana membina syarat-syarat pertumbuhan gagasan berterusan (Fotion; Hopkin, 2008). Berdasarkan kerangka pemikiran fabilisme, saya telah menyediakan rancangan tindakan dan melaksanakan tindakan dalam kajian ini.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

Saya telah mencetak halaman terpilih buku ‘BMHKMOL’ (Carnegie, 2010) untuk diedarkan kepada semua pelajar dalam kelas gabungan B3 dan B4 tiga orang pelajar yang merupakan sasaran kajian tidak menyedari yang mereka dikaji. Halaman terpilih yang dicetak merupakan halaman yang mengandungi ringkasan bagi sembilan prinsip asas kemahiran hubungan manusia yang dikemukakan oleh Carnegie dalam kajianya. Prinsip-prinsip tersebut ialah: (1) Elakkan daripada mengkritik, mencerca dan mengeluh; (2) Berikan penghargaan yang jujur; (3) Bangkitkan minat dalam diri orang lain; (4) Bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain; (5) Senyum; (6) Ingat nama setiap individu; (7) Jadi pendengar yang baik; (8) Berbicara mengenai minat orang lain; dan (9) Buat orang lain berasa penting dan lakukannya dengan tulus.

Saya menggunakan tempoh selama 45 minit untuk memberi ceramah pendek cara-cara menggunakan buku dengan halaman terpilih tersebut sebaik sahaja bahan tersebut diedarkan kepada pelajar. Saya turut menyediakan borang senarai semak sebagai instrumen pemerhatian tingkah laku bekerjasama semasa sesi perbincangan kumpulan yang dilaksanakan pada sesi pertama perbincangan kumpulan (4 Januari 2014) sebelum sesi ceramah pendek dan buku diedarkan pada sesi ketiga pada 16 Januari 2014. Pada 10 Januari 2014 iaitu sesi kedua aktiviti kumpulan, borang soalan terbuka mengenai ‘rakan sekumpulan yang tidak bekerjasama semasa aktiviti berkumpulan beserta komen’ dikutip jawapannya. Sesi ulangan ceramah pendek (kali kedua) dan perbincangan mengenai sembilan prinsip asas hubungan manusia turut dilaksanakan.

### Kaedah Kajian

#### Peserta Kajian

Tujuan PT ini adalah bagi menambah baik amalan pengajaran saya. Menurut Kemmis dan McTaggart (1988) (dalam Hopkins, 2008), PT adalah suatu pendekatan bagi menambah baik atau membaiki pendidikan dengan cara melakukan perubahan dan mempelajarinya akibat daripada perubahan tersebut. Antara konsep penting PT ialah, ianya dilakukan secara kolaboratif iaitu melibatkan mereka yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan dan bagi memperbaiki suatu amalan pendidikan. Penyelidikan ini adalah inkuiri yang berbentuk refleksi kendiri dan dilakukan secara kolaboratif oleh peserta dalam situasi sosial yang bertujuan untuk memperbaiki amalan sosial dan pendidikan mereka sendiri. Ini dilakukan secara adil dan rasional serta mewujudkan pemahaman terhadap amalan tersebut dan situasi di mana amalan tersebut dilaksanakan.

Ebbutt (1985) menjelaskan PT merupakan satu pendedahan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia mengubah amalan. Ini memerlukan guru melaksanakan inkuiri penemuan secara individu serta melibatkan guru-guru lain secara bekerjasama. Oleh itu, saya sendiri merupakan peserta kajian ini untuk menambah baik amalan kendiri sebagai seorang pendidik guru.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

Berdasarkan pemerhatian awal yang saya perolehi, saya telah mengenal pasti dan memilih tiga orang pelajar dari gabungan Kumpulan B3 dan B4 iaitu Asatu, Adua dan Atiga sebagai peserta kajian. Jadual 1 menunjukkan tingkah laku Asatu, Adua dan Atiga semasa pemerhatian awal saya bagi mengenal pasti peserta kajian ini.

#### Jadual 1

*Masalah Tingkah Laku Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (4 Jan. 2014)*

Bil	Tingkah laku	Asatu	Adua	Atiga	Jumlah
1	Membuat tugas sendiri sahaja	X	X	X	3
2	Memberi tepuhan kepada rakan yang selesai membentang tugas kumpulan				
3	Bercakap dengan ahli kumpulan				
4	Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan				
5	Menulis pada kertas tugas kumpulan				
6	Duduk dalam kumpulan dengan selesa		X		1
7	Menulis di buku/kertas sendiri	X	X	X	3
8	Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan				
9	Turut serta dalam pembentangan kumpulan				
10	Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan	X	X	X	3

#### Etika Penyelidikan

Saya telah mendapat persetujuan dan kebenaran daripada semua pelajar kursus elektif Moral ELM3101E dari kumpulan gabungan B3 dan B4 termasuk tiga orang pelajar yang merupakan peserta dalam penyelidikan ini.

#### Kaedah Mengumpul Data

Saya menggunakan senarai semak semasa pemerhatian, soalan jenis terbuka, temu bual dan gambar bagi mengumpul data kajian ini.

**Senarai semak.** Saya menggunakan senarai semak bagi mencatat maklumat yang diperhatikan seperti tingkah laku tiga orang pelajar yang *introvert* semasa pelaksanaan aktiviti kumpulan. Melalui senarai semak ini, saya juga dapat mengetahui aspek yang perlu dipupuk bagi amalan bekerjasama dalam aktiviti kumpulan.

**Soalan jenis terbuka.** Saya turut memberikan soalan jenis terbuka bagi meninjau sikap pelajar (sebelum memulakan P&P pada masa kuliah) terhadap penerimaan dan penglibatan dalam aktiviti kumpulan. Sesi ini dilaksanakan sebanyak dua kali. Kali pertama adalah bagi menyiasat tingkah laku pelajar sebelum buku digunakan (10 Januari 2014), manakala sesi kedua dilaksanakan setelah modul digunakan selama sebulan (15 April 2014).

**Temu bual.** Penggunaan temu bual untuk mengumpul data bagi PT ini turut saya gunakan. Ianya merupakan satu kaedah yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk sikap, pemikiran, nilai dan pendapatnya. Temu bual melibatkan perbualan antara saya dengan pelajar dan peserta kajian untuk memperoleh maklumat yang relevan dengan kajian ini. Temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan seseorang penyelidik memperolehi maklumat kajian secara mendalam kerana ianya melibatkan hubungan bersemuka secara langsung dengan peserta kajian (McNiff, 2002).

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

**Gambar.** Saya telah mengambil gambar bagi mengumpul data kajian ini. Gambar-gambar berkaitan telah diambil sepanjang pelaksanaan penyelidikan.

### **Teknik Menganalisis Data**

Saya telah meneliti dan membuat analisis kandungan terhadap senarai semak, jawapan bagi soalan jenis terbuka, hasil temu bual dan gambar bagi mengenal pasti masalah serta kesan tindakan terhadap para pelajar. Di samping itu, saya menggunakan analisis pola persamaan dan perbezaan untuk mengenal pasti kekerapan kelemahan tingkah laku yang menjurus kepada kerjasama dalam kumpulan. Berdasarkan analisis ini, saya dapat mengetahui kelemahan pelajar bagi aspek kerjasama.

### **Teknik Menyemak Data**

Dalam PT ini, saya menggunakan dua jenis triangulasi iaitu triangulasi antara kaedah dan sumber bagi menyemak silang data yang diperoleh. Triangulasi antara kaedah dibuat atas maklumat yang diperoleh melalui senarai semak, analisis maklum balas dan temu bual. Maklumat tersebut membolehkan saya melakukan perbandingan kesan tindakan terhadap tiga orang pelajar sebelum dan selepas menggunakan buku BMHKMOL. Pemilihan triangulasi sumber dibuat adalah kerana kebimbangan data yang saya periksa tidak tepat dan kesahannya dapat dipertikaikan kerana berasaskan pandangan saya sahaja. Oleh itu, triangulasi sumber dibuat dengan memperoleh pandangan salah seorang pensyarah Jabatan Sains Sosial yang berpengalaman dan yang mengkhusus dalam Kursus Hubungan Etnik dan Komunikasi bagi memastikan kesahan data.

### **Dapatkan**

#### **Refleksi Dapatkan**

- **Bagaimanakah kaedah ceramah pendek menggunakan buku ‘BMHKMOL’ dan pembacaan kendiri buku tersebut meningkatkan sikap bekerjasama dan komunikasi interpersonal tiga orang pelajar *introvert* dalam aktiviti kumpulan?**

Pada 2 Jan 2014, saya telah merancang tindakan saya. Semasa sesi P&P yang ketiga (16 Januari 2014), saya telah menggunakan kaedah ceramah pendek menggunakan buku BMHKMOL (Carnegie, 2010) (halaman terpilih) dan pembacaan kendiri buku tersebut oleh pelajar. Saya memulakan proses P&P dengan memberi ceramah pendek selama 45 minit tentang sembilan prinsip utama (prinsip hubungan manusia). Halaman terpilih buku tersebut yang telah dicetak terlebih dahulu saya berikan kepada kesemua pelajar. Semasa memberi ceramah pendek, saya menerangkan prinsip demi prinsip. Seterusnya, saya memberikan contoh melalui persembahan powerpoint. Kemudian, pelajar diminta menjawab soalan-soalan ulang kaji bagi memantapkan pemahaman dan aplikasi ilmu komunikasi *interpersonal* dan asas ‘hubungan antara manusia’ yang telah dipelajari.

Saya mendapati pelajar seronok belajar menggunakan buku tersebut. Sebelum ini, mereka sebenarnya ada secara tidak langsung diajar mengenai ‘hubungan antara manusia’ dan cara berkomunikasi yang baik secara

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

interpersonal tetapi mereka tidak berapa faham cara mengaplikasikannya dalam aktiviti kumpulan. Setelah melaksanakan ceramah pendek ini beserta dengan pemberian buku bercetak (halaman terpilih), saya mendapati peserta kajian mampu memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan semasa aktiviti kumpulan. Mereka telah mampu berinteraksi dengan baik ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan.

Tiga orang peserta kajian dapat mengaplikasi dan memupuk sikap bekerjasama yang baik semasa aktiviti kumpulan yang dilaksanakan setelah seminggu buku diberikan. Bahkan, pada minggu-minggu seterusnya, sikap bekerjasama semakin jelas dan meningkat. Berdasarkan senarai semak yang dipaparkan pada Jadual 2, didapati ketiga-tiga orang pelajar telah berjaya memupuk sikap bekerjasama yang baik dalam kumpulan, khasnya semasa aktiviti kumpulan.

## Jadual 2

Pemupukan Sikap Bekerjasama Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (16 April 2014)

Bil	Tingkah laku	Asatu	Adua	Atiga	Jumlah
1	Membuat tugas sendiri sahaja				0
2	Memberi tepukan kepada rakan yang selesai membentang tugas kumpulan	X	X	X	3
3	Bercakap dengan ahli kumpulan	X	X	X	3
4	Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan	X	X	X	3
5	Menulis pada kertas tugas kumpulan	X		X	2
6	Duduk dalam kumpulan dengan selesa	X	X	X	3
7	Menulis di buku/kertas sendiri			X	1
8	Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan	X	X	X	3
9	Turut serta dalam pembentangan kumpulan	X	X	X	3
10	Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan				0

Pada 14 Februari 2014, saya telah mengulangi sekali lagi ceramah pendek menggunakan sembilan prinsip komunikasi interpersonal dan hubungan manusia berdasarkan buku BMHKMOL. Pada kali ini, sesi soal jawab dan pemahaman kemahiran komunikasi *interpersonal* dan hubungan manusia yang dihuraikan dalam buku tersebut dilakukan. Kelihatan beberapa orang pelajar memberikan respons positif pada pelajaran yang diperoleh daripada sesi ceramah pendek dan pembacaan kendiri. Atiga yang merupakan peserta kajian memberitahu, “*banyak kemahiran hubungan manusia yang sangat penting yang saya tidak tahu sebelum ini mula mencorakkan hidup saya. Saya lebih suka bergaul dan mahir berhubung dengan manusia sekarang, sir!*”

Saya telah melaksanakan temu bual dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklum balas tentang penggunaan kaedah ceramah pendek dan pembacaan kendiri guru pelatih menggunakan buku BMHKMOL. Rajah 1 hingga Rajah 3 menunjukkan transkrip temu bual antara saya dengan para peserta kajian pada 5-6 April 2014.

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku "Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain" bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

Saya : Bagaimanakah perasaan Asatu setelah membaca buku BMHKMOL serta ceramah pendek yang telah dijalankan pada bulan Januari yang lepas?  
Asatu: Rasa prihatin dengan hubungan sesama manusia, cikgu.  
Saya: Adakah buku ini memberi kesan kepada Asatu dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan?  
Asatu: Ada, cikgu.  
Saya: Apakah kesannya?  
Asatu: Saya lebih memahami tatacara dan kebiasaan manusia dan menjadikan saya lebih peka dan mampu menyenangkan hati rakan-rakan sekumpulan. Saya telah pandai berinteraksi dan memuji rakan-rakan sekumpulan, cikgu.  
Saya: Dulu sebelum cikgu bagi buku dan ceramah pendek menggunakanannya, Asatu tak tau ilmu asas hubungan manusia?  
Asatu: Kurang, cikgu. Kini baru saya faham bahwasanya manusia ini merupakan makhluk emosi dan bukannya rasional. Jadi banyak membantulah buku ni.

Rajah 1. Transkrip temubual antara saya dengan Asatu (5 April 2014)

Saya : Bagaimanakah perasaan Adua setelah membaca buku BMHKMOL serta ceramah pendek yang telah dijalankan pada bulan Januari yang lepas?  
Adua: Seronok, lebih peka bagaimana nak berhubungan dengan manusia, cikgu.  
Saya: Adakah buku ini memberi kesan kepada Adua dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan?  
Adua: Sangat sangat, cikgu.  
Saya: Apakah kesannya?  
Adua: Saya pandai menghargai kawan, memuji kawan-kawan sama kumpulan, buat kawan seronok dan banyaklah, cikgu.  
Saya: Dulu sebelum cikgu bagi buku, Adua tak tau ilmu asas hubungan manusia?  
Adua: Kabur, cikgu. manusia ni rupanya beremosi, tak rasional. Baguslah buku ni.

Rajah 2. Transkrip temubual antara saya dengan Adua (6 April 2014)

Saya : Bagaimanakah perasaan Atiga setelah membaca buku BMHKMOL serta kursus/ceramah pendek yang telah dijalankan pada bulan Januari yang lepas?  
Atiga: Teruja untuk berhubung dengan rakan-rakan ke arah yang lebih baik dan berkesan dari segi interaksi, cikgu.  
Saya: Adakah modul ini memberi kesan kepada Atiga dalam melaksanakan aktiviti berkumpulan?  
Atiga: Pastilah, cikgu. Amat-amat membantu saya cikgu. Saya dah banyak berubah dari segi sikap bekerjasama kini.  
Saya: Apakah kesannya?  
Atiga: Saya lebih bijak menangani masalah interaksi yang saya amat lemah sebelum ni. Dulu saya suka menyendiri dan banyak beranggapan buruk pada orang lain. Buku ini banyak mengubah persepsi saya untuk berhunungan dengan lebih baik sesama manusia. Juga rakan-rakan. Banyak saya tak tau sebelum ni. Terima kasih dengan modul ni,cikgu.  
Saya: Dulu sebelum cikgu bagi buku, Atiga tak tau ilmu asas hubungan manusia?  
Atiga: Tak tau sangat cikgu. Sekarang saya lebih yakin dan mula suka berkomunikasi dengan orang lain, cikgu.

Rajah 3. Transkrip temubual saya dengan Atiga (6 April 2014)

Berdasarkan temu bual tersebut, peserta kajian didapati telah berjaya memupuk tingkah laku bekerjasama dalam kumpulan ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan semasa P&P kursus ELM3101E. Ketiga-tiga orang peserta mengatakan bahawa penggunaan buku motivasi berunsur hubungan manusia berjudul 'BMHKMOL' telah memudahkan mereka memahami dan mengaplikasikan asas hubungan manusia yang baik semasa aktiviti kumpulan. Peranan mereka sebagai ahli kumpulan bersama ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan dengan baik.

Daripada pemerhatian, jawapan kepada soalan terbuka, analisis senarai semak dan temu bual, dapatlah dikatakan bahawa Asatu, Adua dan Atiga telah mampu memupuk sikap bekerjasama mereka dalam aktiviti kumpulan. Mereka kelihatan seronok, lebih yakin dan selesa menyertai aktiviti kumpulan berbanding sebelum ini. Secara keseluruhannya, kaedah penggunaan buku

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

BMHKMOL dapat membantu peserta kajian ini memupuk sikap bekerjasama dalam aktiviti kumpulan dan pembentangan kumpulan.

- **Bagaimakah penggunaan ceramah pendek menggunakan buku ‘BMHKMOL’ dan pembacaan kendiri buku tersebut menambah baik pengajaran saya dalam kursus Pengenalan Kepada Konsep Asas Pendidikan Moral?**

Sebagai seorang pendidik guru, saya mengetahui beberapa kaedah dan teknik P&P secara teori, bahkan mempunyai pengalaman serta praktis. Saya pernah mengaplikasikan kaedah-kaedah ini dalam P&P sehari-hari. Namun, kadang-kala saya mengambil mudah kaedah dan teknik mengajar bagi kursus yang diajar. Semasa mengajar kursus ELM3101E, saya beranggapan kursus ini adalah mudah dan para pelajar dapat menjalankan aktiviti kumpulan secara bekerjasama tanpa sebarang masalah. Walau bagaimanapun, tiga orang pelajar kursus didapati tidak dapat bekerjasama dengan sewajarnya dalam kumpulan dan tidak dapat mengamalkan komunikasi *interpersonal* dengan baik. Rajah 4 menunjukkan pemerhatian terhadap sikap bekerjasama individu dalam pelaksanaan aktiviti kumpulan sebelum pelaksanaan ceramah pendek dan buku pembacaan kendiri.



Rajah 4. Pembentangan kumpulan yang melibatkan peserta kajian (sebelum tindakan)

Ekoran itu, saya telah menggunakan kaedah ceramah pendek dan pembacaan kendiri buku berjudul ‘BMHKMOL’ (halaman terpilih) agar mereka dapat bekerjasama dengan baik. Ini merupakan suatu penambahbaikan amalan pengajaran saya sebagai seorang pensyarah kursus ELM3101E khasnya, dan Pendidikan Moral amnya. Sesungguhnya, PT membolehkan seseorang penyelidik itu pada dasarnya mengkaji amalan kendiri untuk tujuan menambah baik atau membaiki amalan kendiri (McNiff, 2002).

Saya menggunakan kaedah ceramah pendek dan pembacaan kendiri pelajar menggunakan buku ‘BMHKMOL’ bagi membantu pelajar saya memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan. Saya telah membuat tinjauan literatur tentang penggunaan kaedah pembelajaran kendiri melalui pembacaan sesuatu buku. Melalui tinjauan ini, saya telah merancang dan melaksanakan kajian ini setelah mengenal pasti buku terjemahan Bahasa Melayu tulisan Carnegie (2010) berjaya melatih ramai manusia yang membacanya menjadi lebih mahir dalam berhubungan dan berkomunikasi sesama manusia. Penggunaan buku secara pembelajaran kendiri telah banyak dijalankan terhadap kursus-kursus di institusi-institusi awam dan swasta di dalam

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

mahupun di luar negara. Bezanya, dalam kajian ini, saya menggunakan buku bagi membantu pelajar memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan selepas ceramah pendek di laksanakan.

Sebelum ini, saya sering mengajar topik-topik kursus ELM3101E menggunakan aktiviti kumpulan tanpa membimbing pelajar-pelajar ilmu asas hubungan antara manusia. Andaian saya menyebabkan saya mengambil mudah pengajaran kursus ini ketika melaksanakan aktiviti kumpulan. Setelah menggunakan kaedah buku (halaman terpilih) pembelajaran kendiri, saya lebih yakin dan aktiviti pengajaran secara aktiviti kumpulan dijalankan dengan lebih sistematik dan mencapai kejayaan. Para pelajar juga menunjukkan keseronokan dan kesungguhan mereka semasa aktiviti berkumpulan. Ini jelas pada jawapan yang mereka berikan semasa saya mengemukakan soalan “Adakah anda suka dan selesa dengan aktiviti berkumpulan?” pada 28 April 2014. Ini dilakukan setelah saya melaksanakan ceramah pendek dan penggunaan buku pembacaan kendiri kepada ketiga-tiga orang pelajar sebanyak dua kali. Asatu menjawab, “Ya, saya suka. Saya boleh memberi idea dan bertukar-tukar pendapat tanpa menyakiti hati rakan sekumpulan.” Adua juga menjawab, “Saya seronok menjalankan aktiviti berkumpulan. Banyak yang saya pelajari daripada buku ‘Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain’ yang pensyarah berikan pada kami untuk dibaca. Saya sudah suka berbincang.” Begitu juga dengan Atiga yang menyatakan bahawa “bekerjasama dalam kumpulan memang seronok. Banyak idea diperolehi daripada rakan-rakan. Idea saya juga ada yang diterima.”

Pada 4 Mei 2014, rakan sekumpulan sekali lagi diminta menjawab soalan terbuka dengan soalan “(nama seorang guru pelatih termasuk peserta kajian/seorang guru pelatih mendapat satu nama sahaja) boleh bekerjasama dalam kumpulan atau tidak boleh bekerjasama selepas hampir dua setengah bulan belajar bersama bagi kursus ELM3101E?. Beri komen anda.” Respons jawapan Noraini terhadap Asatu adalah, “dulu dia senyap. Tak suka bercakap. Sekarang sudah suka beri idea. Saya suka dia sekarang. Pandai bergaul.” Jane memberi respons tentang Adua, “Adua ni sudah berubah. Dulu diam-diam sahaja tak mau cakap dengan kami. Sekarang dia suka bagi cadangan bila kerja kumpulan. Pandai berkawan sudah.” Respons John terhadap Atiga pula ialah, “dia sudah mula boleh bercakap dan memberi idea kepada kami. Dia sudah pandai berbual-bual masa kerja kumpulan.”



Rajah 9. Aktiviti pembentangan kumpulan yang melibatkan peserta kajian pada 16 Mei 2014 (selepas tindakan)

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

Berdasarkan analisis jawapan kepada soalan jenis terbuka, pemerhatian dan temu bual yang dilaksanakan, penggunaan kaedah ceramah pendek dan buku ‘BMHKMOL’ (Carnegie, 2010) telah berjaya membantu tiga orang para pelajar memupuk sikap bekerjasama dalam kumpulan dengan baik. Di samping itu, saya telah menambah baik amalan kendiri sebagai seorang pensyarah yang mengajar kursus ELM3101E. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian, mereka sangat bersetuju dengan kaedah ceramah pendek dan buku pembelajaran kendiri bagi memupuk sikap bekerjasama mereka dalam kumpulan. Hasil daripada kajian ini, saya mendapat pengajaran bahawa sebagai seorang pensyarah, saya perlu lebih peka akan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar saya. Di samping itu, saya perlu menggunakan kaedah dan bahan bantu yang sesuai bagi memastikan anak didik saya dapat mencapai objektif yang digariskan.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Refleksi boleh dilihat sebagai suatu respons pemikiran terhadap pengalaman dalam amalan seseorang untuk memperolehi maksud dan kefahaman yang mendalam mengenai amalan tersebut. Ia bertujuan mengambil tindakan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti kendiri. Refleksi sering digunakan secara intensif dalam P&P. Ianya dianggap sebagai komponen penting dalam meningkatkan profesionalisme seseorang pendidik guru dan dilakukan dari segi kesan terhadap peserta kajian, amalan kendiri dan kurikulum pendidikan amnya dan IPG Kampus khususnya. Penyelidikan yang saya laksanakan ini memberi impak yang positif terhadap tingkah laku bekerjasama dalam aktiviti kumpulan bagi guru pelatih khasnya mereka yang *introvert*. Penyelidikan ini juga telah melancarkan P&P saya semasa melaksanakan aktiviti kumpulan.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Pelbagai kaedah dan teknik perlu dipraktikkan mengikut kesesuaian agar para pelajar mendapat impak sewajarnya dalam P&P. Saya sebagai seorang pendidik guru juga perlu mempelbagaikan teknik pengajaran saya bagi meningkatkan amalan kendiri sebagai seorang pensyarah. Nampaknya, saya berjaya meningkatkan amalan kendiri ketika menjalankan PT di IPG Kampus Batu Lintang. Penyelidikan ini telah memberi kesan yang positif terhadap amalan pengajaran saya. Saya menyedari bahawa saya ternyata kurang menitikberatkan permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar saya sebelum ini. Implikasi PT ini ialah, saya menjadi lebih prihatin dan lebih empati terhadap pelajar saya. Penyelidikan ini juga telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya sebagai seorang pendidik guru. Ini termasuklah pelaksanaan PT ini.

### **Cadangan Tindakan Kitaran Seterusnya**

Daripada kajian yang telah dijalankan, saya bercadang untuk meneruskan kajian ke atas kursus Pendidikan Moral bagi Semester 2 Sesi 2014 yang akan diajar nanti dengan menggunakan kaedah ceramah pendek berdasarkan buku ‘BMHKMOL’ (jika kedapatan pelajar yang *introvert* atau solipsisme). Bagi penambahbaikan PT selanjutnya, saya akan menggunakan kaedah yang sama, namun buku pembelajaran kendiri akan ditambah baik dengan menyertakan

Mohd Richard Neles Abdullah/ Penggunaan buku “Bagaimana memenangi hati kawan & mempengaruhi orang lain” bagi memupuk kerjasama dalam kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP

gambar-gambar berkaitan. Ini bertujuan agar buku pembelajaran kendiri ini menjadi lebih jelas dan menarik. Saya juga sedang menyiapkan sebuah inovasi “Kit Hubungan Baik dan Kerjasama” (Kit ‘HB&K’) yang mengadaptasi sembilan prinsip asas kemahiran hubungan manusia daripada buku ‘BMHKMOL.’ Kit ‘HB&K’ ini akan memudahkan pelaksanaan tindakan kitaran PT saya yang seterusnya.

### Rujukan

- Carnegie, D. (2010). *Bagaimana Memenangi Hati Kawan dan Mempengaruhi Orang Lain*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ebbutt, D. (1985). Educational action research: Some general concerns and specific quibbles. In R. Burgess (Ed.) *Issues in educationalresearch: qualitative methods* (m.s. 142-160). Lewes: The Falmer Press.
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat & Abdul Razak Zakaria. (2013). Transformasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mengenai kemahiran membuat hipotesis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), (m.s. 47-57).
- Fotion, N. (2000). *John Searle: Philosophy of language*. United Kingdom: Acumen Publishing.
- Hopkin, D. (2008). *A teacher's guide to classroom research*. Dimuat turun dari <http://www.slideshare.net/malingall/ulasan-buku-edit-2731111>.
- McNiff, J. (2002). *Action research for professional development: Concise advise for new and experienced action researchers*. Dorset: September Books. Dimuat turun dari [http://www.waikato.ac.nz/tdu/pdf/booklets/24\\_AR.pdf](http://www.waikato.ac.nz/tdu/pdf/booklets/24_AR.pdf)
- Noor Azean Atan & T. Komate Tambai @ Muniandy. (2008). *Penerimaan pelajar terhadap penggunaan modul pembelajaran kendiri berdasarkan reka bentuk Teori Beban Kognitif bagi subjek Pengaturcaraan Web*. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/11893/1/Penerimaan\\_Pelajar\\_Terhadap\\_Penggunaan\\_Modul\\_Pembelajaran\\_Kendiri\\_Berasaskan\\_Rekabentuk\\_Teori\\_Beban\\_Kognitif\\_Bagi\\_Subjek\\_Pengaturcaraan\\_Web.pdf](http://eprints.utm.my/11893/1/Penerimaan_Pelajar_Terhadap_Penggunaan_Modul_Pembelajaran_Kendiri_Berasaskan_Rekabentuk_Teori_Beban_Kognitif_Bagi_Subjek_Pengaturcaraan_Web.pdf)
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran akses kendiri*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Dimuat turun dari [http://www.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/akses\\_kendiri.pdf](http://www.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/akses_kendiri.pdf)